



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

## **"WASPADA PENIPUAN PENGURUSAN IBADAH"**

12 Julai 2024 / 6 Muharram 1446

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>١</sup> الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ، لِيُظْهِرَهُ عَلَى الَّذِينَ كَفَرُوا وَكَفَىٰ بِاللَّهِ شَهِيدًا. أَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>٢</sup> وَعَلَى آئِلَّهِ وَاصْحَابِهِ وَالثَّابِعِينَ لَهُم بِإِحْسَانٍ إِلَيْيَّ يَوْمَ الدِّين. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>٣</sup> أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّاَيِّ بِتَقْوَىِ اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

**Jemaah yang dirahmati Ilahi,**

Marilah kita tingkatkan keimanan dan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan menjauhi semua larangan Nya, mudah-mudahan kita mendapat kejayaan di dunia dan kebahagiaan di akhirat. Mimbar akan menyampaikan khutbah bertajuk: "**WASPADA PENIPUAN PENGURUSAN IBADAH**"

Perbuatan menipu yang dilakukan dengan pelbagai helah untuk mengaut keuntungan merupakan perbuatan tercela. Penipuan yang dilakukan dengan pelbagai muslihat hingga ke peringkat sanggup mengambil harta orang lain secara batil, mengakibatkan orang lain menanggung kesusahan, bukan sekadar perbuatan berdosa bahkan perbuatan zalim. Allah SWT melarang keras perbuatan mengambil harta orang lain secara batil, berpandukan firman yang terkandung dalam surah An-Nisa' ayat 29:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا تَأْتَيْتُمْ بِمَا يَنْهَاكُمْ بِإِلَّا أَنْ تَكُونَ تِجْرِيَةً عَنْ تَرَاضِينَ  
مِنْكُمْ وَلَا قَتْلُوا أَنفُسَكُمْ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُمْ رَحِيمًا﴾

Bermaksud: "Wahai orang yang beriman, janganlah kamu saling memakan (menggunakan) harta sesama kamu dengan cara yang salah (tipu, judi dan sebagainya) kecuali melalui perniagaan yang dilakukan atas dasar reda meredai (suka sama suka) antara kamu. Dan janganlah kamu membunuh diri kamu sendiri! Sesungguhnya Allah sentiasa mengasihani kamu."

<sup>1</sup> Memuji Allah

<sup>2</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>3</sup> Pesan Taqwa



Pelbagai kaedah penipuan dilaporkan semakin berlaku, membabitkan penipuan dalam pelbagai urusan perniagaan, tidak terkecuali pengurusan dalam perkara-perkara berkaitan ibadah. Mutakhir ini, dilaporkan semakin berleluasa, berlaku urus niaga berunsur penipuan atau dikenali dengan istilah *scammer*, yang turut melibatkan syarikat-syarikat yang mengendalikan urusan ibadah. Ummah dinasihati sentiasa berwaspada agar tidak menjadi mangsa, diperdaya atau terperangkap dengan jerat penipuan yang bertopengkan ibadah mahupun kerja-kerja amal dan kebajikan.

Perbuatan tidak jujur dan tidak telus dalam urusan perniagaan bukan sahaja menimbulkan kemudaratian malah turut menyebabkan hilangnya keberkatan seperti yang terkandung dalam sabda Rasulullah SAW:

**الْبِيَعَانِ بِالْخَيْرِ مَا لَمْ يَتَفَرَّقَا أَوْ قَالَ حَتَّىٰ يَتَفَرَّقَا فَإِنْ صَدَقا وَبَيْنَا بُورَكَ هُمَا فِي بَيْعِهِمَا  
وَإِنْ كَتَمَا وَكَذَبَا مُحِقَّتْ بَرَكَةُ بَيْعِهِمَا**

Bermaksud: "Penjual dan pembeli mempunyai hak memilih selama belum berpisah. Apabila mereka jujur dan berterus terang (tentang keadaan barang), mereka akan mendapat keberkatan dalam jual beli mereka, dan jika mereka berbohong dan menutupi (kecacatan barang), maka akan dihapuskan keberkatan jual beli mereka."

(Hadis Riwayat al-Bukhari & Muslim)

### **Sidang Jumaat yang dirahmati llahi,**

Mimbar menyenaraikan beberapa kegiatan penipuan yang dikenal pasti telah dan sedang berlaku dalam pengurusan ibadah, antaranya:

**Pertama: Tawaran pakej ibadah haji dan umrah.** Untuk menunaikan haji dan umrah memerlukan perbelanjaan yang banyak. Kini, wujud pihak yang mengambil kesempatan - melakukan penipuan demi mengaut keuntungan melalui pakej haji dan umrah yang ditawarkan. Antara bentuk penipuan yang sering dilaporkan, adalah tidak memenuhi tawaran yang diiklankan atau dijanjikan, merangkumi jenis bilik penginapan, jarak tempat penginapan dengan Masjid Nabawi atau Masjidil Haram, kemudahan pengangkutan, malah lebih buruk, ada jemaah yang terkandas dalam perjalanan atau semasa berada di tanah suci.

Kini, kes penipuan pengendalian pakej ibadah haji dan umrah semakin meningkat, berlaku peningkatan tiga kali ganda, mencatatkan 518 kes yang telah difaiklan oleh Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia bagi tempoh sehingga Ogos 2023,



yang mencatatkan kerugian sembilan juta ringgit; berbanding 62 kes dilaporkan kepada pihak berkuasa pada tahun 2022, membabitkan kerugian 2.1 juta ringgit.

**Kedua: Badal haji dan umrah.** Mereka yang ingin melakukan badal haji mahupun umrah untuk ahli keluarga yang telah meninggal dunia atau mengalami keuzuran, dinasihatkan berwaspada ketika memilih dan melantik pihak yang akan melaksanakannya. Dibimbangkan badal haji atau umrah tidak dilaksanakan dengan sempurna atau pihak yang diamanahkan, sekadar mengambil duit (upah) tanpa melaksanakan badal haji ataupun umrah tersebut.

**Ketiga: Penipuan kutipan derma, sedekah atau wakaf.** Sikap pemurah umat Islam telah membuka ruang kepada pihak yang tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan melakukan pelbagai penipuan dan penyelewengan terhadap dana kutipan derma dan sumbangan orang ramai. Terdapat sumbangan yang diperkenalkan menggunakan nama badan amal, program kebajikan, rumah anak yatim, pembinaan masjid dan surau yang tidak diketahui tentang kesahihan kewujudannya.

**Keempat:** Turut dilakukan ialah perbuatan mempromosi tokoh terkenal Islam yang berpengaruh, secara salah, malah tanpa pengetahuan dan izin tuan badan, sebagai muslihat muahu meraih perhatian orang ramai untuk tujuan mengumpul dana; kemudiannya mengurus dana yang dikutip secara tidak telus. Perbuatan sedemikian merupakan perbuatan tidak bermoral dan sangat berdosa.

Menyedari kegiatan-kegiatan penipuan yang sedang berlaku, demi melindungi orang ramai daripada menjadi mangsa penipuan, serta untuk mengelak dan mengawal sebarang penipuan mahupun penyelewengan, di Negeri Perak, disyaratkan setiap kegiatan memungut derma, hendaklah terlebih dahulu memperoleh kebenaran daripada Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak.

**Jemaah Rahimakumullah,**

Mimbar menyenaraikan langkah-langkah pencegahan yang boleh diambil bagi memastikan urusan muamalah membabitkan harta dilindungi daripada sebarang unsur penipuan:

**Pertama:** Ummah hendaklah teliti ketika melakukan pelbagai urusan hidup, menyemak dan menyiasat apa juga tawaran, iklan, permintaan dan rayuan yang dilakukan



secara bercetak, melalui saluran Internet atau media sosial, begitu juga daripada mana-mana badan, pertubuhan atau orang perseorangan.

**Kedua:** Berwaspada ketika memilih tawaran pakej mengerjakan ibadah haji dan umrah dengan melakukan perancangan, penelitian dan semakan latar belakang syarikat agar tidak menjadi mangsa penipuan. Pastikan memilih syarikat atau agensi yang menawarkan pakej berpatutan bukan terlalu murah atau terlalu menarik. Ummah dinasihatkan mendapatkan agensi pelancongan yang berdaftar dan mempunyai lesen yang sah daripada Kementerian Pelancongan, menyelidiki dengan teliti maklumat agensi dan lebih meyakinkan jika agensi memaparkan maklumat audit tahunan pengurusan kewangan.

**Ketiga:** Pastikan setiap pihak yang tampil bagi mendapatkan sumbangan derma adalah benar-benar wujud dan telah pun mendapat kebenaran memungut derma daripada pihak berkuasa agama setempat. Laporkan segera kepada pihak berkuasa sekiranya wujud sebarang keraguan terhadap kegiatan pungutan derma, apatah lagi yang menggunakan kanak-kanak.

**Keempat:** Orang-orang yang tidak jujur dan peniaga yang menipu untuk mengaut keuntungan dalam urusan perniagaan wajib bertaubat dan sedar bahawa perbuatan tersebut adalah haram di sisi Islam serta tidak diberkati Allah SWT.

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفْعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقْبَلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقُتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>4</sup> حَمْدًا كَثِيرًا طَيْبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَن لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! إِتَّقُوا اللَّهَ، وَكُوْنُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

**Muslimin yang dirahmati Allah,**

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin serta yang mengikutinya dari kalangan Asyairah Maturidiah. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyak selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَكِتِيَّتَهُ يُصَلِّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْيَاهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُوْأَ عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى  
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمَيْنِ إِنَّكَ حَمِيدٌ  
مَحِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ<sup>8</sup>، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ  
وَالْفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثِنْتُهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ<sup>7</sup>.  
اللَّهُمَّ أَعِزِّ الإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِيْنَ وَانْصُرْ إِخْوَانَنَا وَأَخْوَاتِنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فَلَسْطِينَ، وَاحْفَظْ  
أَهْلَهَا وَانْصُرْ جُنُودَهَا وَدَمِرْ أَعْدَائَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمَيْنَ.

**Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin!** Mudahkan urusan hamba Mu yang ingin menyempurnakan ibadah haji dan umrah. Jadikan kami insan berhati nurani sentiasa gemar melakukan ibadah sedekah, infak dan wakaf dan pada masa yang sama lindungi kami daripada menjadi mangsa, diperdaya oleh mereka yang tamak mengejar keuntungan secara batil.

<sup>4</sup> Memuji Allah

<sup>5</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>6</sup> Pesan Taqwa

<sup>7</sup> Ayat Al-Quran

<sup>8</sup> Doa untuk Kaum Muslimin



**Ya Mannan! Ya Razzaq!**, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fugara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

**Ya Aziz! Ya Qahhar!** Lindungi Masjid al-Aqsa daripada dimusnahkan oleh rejim Zionis Israel dan limpahi ihsan Mu membela dan mengurniakan kemenangan kepada rakyat di bumi Palestin yang sedang menderita kerana perbuatan zalim rejim Zionis Israel.

**Ya Mu'min! Ya Muhammin!** Limpahi rahmat Mu agar negara kami berada dalam keadaan selamat dan makmur, dijauhi daripada bencana dan malapetaka, rakyatnya hidup dalam suasana aman dan muhibah.

**Ya Maalikal Mulk!**, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

**Ya Malik! Ya Hadi!**, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ  
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ  
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ فَإِذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ  
وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ  
مَا تَصْنَعُونَ.

## **PENGUMUMAN SEBELUM JUMAAT**

### **KEPADA: IMAM / KHATIB BERTUGAS**

Assalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh. Sidang Jemaah yang dimuliakan, di sini ingin saya membuat dua pengumuman:

### **PERTAMA: BERKAITAN MUSIM MONSUN BARAT DAYA.**

Pada 14 Mei 2024, Jabatan Meteorologi Malaysia (METMalaysia) telah mengeluarkan satu siaran media, memaklumkank musim Monsun Barat Daya akan bermula pada 17 Mei 2024 dan berlanjutan sehingga September 2024. Diantara kesan cuaca yang boleh berlaku ialah cuaca kering, jerebu, kebakaran hutan dan penyusutan paras air empangan. Oleh itu, Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) memperingatkan kepada seluruh Umat Islam khususnya warga Negeri Perak agar berwaspada dengan perubahan cuaca yang berlaku di samping menjaga kesihatan dengan melakukan perancangan bijak mengatur kegiatan-kegiatan di luar rumah.

### **KEDUA: BERWASPADA DAN TIDAK MEMUAT TURUN FAIL APK - ELAK JADI MANGSA SCAMMER**

Para Jemaah diingatkan supaya tidak terpedaya terhadap sebarang penipuan scammer dalam talian dengan tidak memuat turun sebarang fail dalam format '*android package kit*' (APK) kerana dikhuatiri mengandungi perisian '*malware*' yang digunakan oleh sindiket penipuan atau '*scammer*' bertujuan mencuri maklumat peribadi seterusnya mengodam data dan mengambil harta secara salah.

Pengerusi Persatuan Pengguna Siber Malaysia (MCCA) **Datuk Ahmad Noordin Ismail** berkata, taktik terbaru sindiket penipuan adalah menghantar kad jemputan perkahwinan dalam bentuk format APK berkenaan. Pengguna yang memuat turun fail berkenaan terdedah dengan kebocoran maklumat seperti membuka akses kenalan (contact) serta fail galeri yang terdapat di dalam telefon. Dalam pada itu, Polis Diraja Malaysia (PDRM) mengingatkan orang ramai untuk tidak membuka atau melayan mana-mana mesej atau hantaran yang meragukan.

Semoga para Jemaah sekalian dibimbing oleh Allah SWT, diberikan kesihatan berpanjangan serta terpelihara harta dari tangan-tangan jahat berniat mengambil harta secara batil.